



مجلس دائره كوالا قيله
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

**ENAKMEN 8 TAHUN 1971
ENAKMEN MELARANG KERBAU DAN LEMBU DALAM KAWASAN –KAWASAN
LARANGAN, 1971**

NOTIS PEMBERITAHUAN

Menurut Seksyen 5 (1) Enakmen Melarang Kerbau dan Lembu dalam kawasan-kawasan larangan, mana-mana kerbau atau lembu dan kambing yang dipelihara atau yang disimpan atau dijumpai berkeliaran di dalam mana-mana kawasan larangan, boleh ditangkap oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau sesiapa jua yang diberikuasa.

SILA AMBIL PERHATIAN berdasarkan Seksyen 7 didalam Enakmen yang sama, sesiapa tuan punya bagi kerbau atau lembu dan kambing yang ditangkap akan dikenakan kompaun dan fi seperti jadual di bawah :

JENIS TERNAKAN	KADAR KOMPAUN	FI PENYIMPANAN DAN TANGKAPAN
Kerbau / Lembu	RM 1000.00 /ekor	RM 100.00/ ekor/hari
Kambing	RM 300.00 /ekor	RM 30.00/ekor/hari

Mana-mana kerbau, lembu atau kambing yang ditangkap sekiranya **tidak dituntut dalam tempoh masa 7 hari dari tarikh tangkapan**, ternakan tersebut akan dilelong atau dilupuskan sebagaimana cara yang ditetapkan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Pilah.

TEMPOH KUATKUASA ARAHAN BERMULA 7 JANUARI 2021

**ARAHAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH**

DEFINISI KAWASAN LARANGAN

1. SELURUH KAWASAN TAMAN-TAMAN PERUMAHAN DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH KUALA PILAH.
2. DI DALAM KAWASAN BANDAR DAN PEKAN KECIL YANG DIKAWAL SELIA OLEH MAJLIS DAERAH KUALA PILAH.
(Contoh seperti Pekan Senaling, Dangi, Air Mawang, Juasseh)
3. KAWASAN-KAWASAN TEMPAT TUMPUAN DAN KEGUNAAN BAGI ORANG AWAM YANG DIKAWAL SELIA OLEH MAJLIS DAERAH KUALA PILAH.
(Contoh seperti Dataran, Pusat Riadah orang awam)
4. PEJABAT, BANGUNAN ATAU KAWASAN HAK MILIK AGENSI KERAJAAN DI DALAM DAERAH KUALA PILAH.
(Contoh seperti Klinik Kesihatan, Sekolah, Balairaya)
5. SEPANJANG JALAN NEGERI YANG DIKAWAL SELIA OLEH JABATAN KERJA RAYA NEGERI SEMBILAN.
(Contoh seperti Jalan Pekan Senaling - Sri Menanti)
6. SEPANJANG JALAN PERSEKUTUAN YANG DIKAWAL SELIA OLEH JABATAN KERJA RAYA PERSEKUTUAN.
(Contoh seperti Jalan Kuala Pilah – Seremban, Jalan Kuala Pilah – Tampin, Jalan Kuala Pilah – Bahau)
7. KAWASAN-KAWASAN INFRASTRUKTUR YANG DIKAWAL SELIA OLEH MAJLIS DAERAH KUALA PILAH.
(Contoh seperti Dewan, Pusat Komersial, Perhentian Bas)
8. SEPANJANG JALAN PROTOKOL YANG DIKAWAL SELIA OLEH MAJLIS DAERAH KUALA PILAH.
(Persimpangan Tanjung Ipoh dan Terachi ke Bandar DiRaja Seri Menanti)
9. DIMANA-MANA KAWASAN / JALAN DI BAWAH KAWALAN MAJLIS DAERAH KUALA PILAH TERTAKLUK KEPADA PINDAAN DARI MASA KE SEMASA.



GARIS PANDUAN KEPADA PENTERNAK BERKAITAN PENANDAAN HAIWAN TERNAKAN

1. Peranan Penternak Kerbau, Lembu Dan Kambing adalah digalakkan:

- Menandakan ternakan hakmilik dengan penandaan yang betul. Contoh dengan menggunakan penindik di telinga haiwan @ *TAGGING* yang boleh didapati di pejabat veterinar. Pemilik **diberikan tempoh sehingga 07 JANUARI 2021** untuk melaksanakan perkara tersebut.
- Memastikan binatang ternakan tidak dibiarkan lepas serta memasuki kawasan awam, jalanraya, taman perumahan dan kawasan larangan iaitu kawasan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Kuala Pilah pada setiap masa.
- Tindakan penguatkuasaan akan diambil tanpa mengira waktu dan hari.
- Sekiranya haiwan ternakan ditangkap pemilik perlu membuktikan haiwan tersebut hakmiliknya berdasarkan penandaan yang dibuat atau nombor "*TAGGING*" dan membuat satu akuan bersumpah bagi menuntut haiwan ternakan pemilik.

2. Panduan Penandaan Haiwan Ternakan

- Membuat janji temu bersama Jabatan Veterinar Daerah Kuala Pilah bagi penetapan tarikh untuk penandaan haiwan ternakan.
- Jabatan Veterinar Daerah Kuala Pilah akan menetapkan tarikh pelaksanaan penandaan haiwan ternakan.
- Contoh "*TAGGING*" yang digunakan oleh Jabatan Veterinar Daerah Kuala Pilah adalah seperti berikut:



- Pemilik juga boleh membuat penandaan sendiri yang membolehkan pemilik mengenal pasti haiwan yang diternak di mana-mana Klinik Veterinar Swasta atau penyedia perkhidmatan "*TAGGING*" haiwan ternakan.

3. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh berhubung terus dengan pihak MDKP di:

- Laman Sosial *Facebook*, Majlis Daerah Kuala Pilah dan *Twitter @MDKP1*
- Talian Majlis Daerah Kuala Pilah 06-4812075
- Jabatan Veterinar (berkaitan hal ehwal penyediaan "TAGGING")

Sehubungan itu, pemilik haiwan ternakan di daerah Kuala Pilah adalah digalakkan agar melaksanakan penandaan haiwan ternakan masing-masing bagi tujuan mengenal pasti haiwan ternakan milik penternak dan memudahkan proses untuk menuntut kembali haiwan ternakan daripada pihak Majlis sekiranya ditangkap. Semoga dengan usaha yang telah dirangka dan dilaksanakan ini akan dapat membendung aduan binatang ternakan yang berkeliaran di kawasan-kawasan awam di Daerah Kuala Pilah.

MOHD FAIZAL BIN ABDUL MANAP

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Pilah

MAJLIS DAERAH KUALA PILAH